

PEMUPUKAN POTENSI DIRI PELAJAR YANG MENYELURUH MELALUI PENGAJARAN BAHASA MELAYU

ZULKIFLI OSMAN

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

Abstrak

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menuntut agar proses pendidikan di sekolah memberi keutamaan kepada pemupukan potensi diri pelajar secara seimbang dan menyeluruh dalam membentuk insan yang syumul. Kajian lalu menunjukkan bahawa pemupukan individu yang seimbang dan menyeluruh ini kurang diberi perhatian dan penekanan oleh guru di negara ini, khususnya dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, satu pendekatan perlu dicari bagi memastikan pemupukan potensi diri pelajar berlaku dengan seimbang dan menyeluruh. Artikel ini akan membincangkan aplikasi pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara holistik di bilik darjah bagi memupuk potensi diri pelajar yang seimbang dan menyeluruh. Sembilan modul pengajaran Bahasa Melayu yang didasarkan kepada pendekatan holistik yang menerapkan prinsip kemanusiaan dan kerohanian dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dibangunkan bagi membantu matlamat falsafah pendidikan kebangsaan tercapai. Bagi mendapatkan data tentang kekuatan dan kelemahan pendekatan ini memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh, pandangan guru dan pelajar dikumpulkan. Tiga guru Bahasa Melayu dan tiga kumpulan pelajar dilibatkan dalam kajian ini. Temu bual separa struktur dan bukti dokumen digunakan bagi mengumpulkan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran bahasa secara holistik dapat memupuk semua potensi diri pelajar, khususnya aspek kerohanian dan kemanusiaan. Dapatan kajian juga mendapati kemahiran berbahasa pelajar juga dapat ditingkatkan. Implikasi kajian juga turut dibincangkan.

Kata Kunci: pendekatan holistik, domain afektif, insan yang seimbang, potensi diri dan penyayang.

PENGENALAN

Proses pemantapan pendidikan Bahasa Melayu dilakukan secara berterusan sejak zaman penjajah hingga masa kini. Jawatankuasa Barnes, Fenn-Wu, Laporan Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1960), Laporan Kabinet (1979) dan *Akta Pendidikan 1996* memperakukan peranan Bahasa Melayu dalam konteks yang berbeza. Laporan Kabinet (1979) misalnya menjelaskan bahawa matlamat pendidikan Bahasa Melayu adalah (1) melahirkan tenaga kerja yang terlatih dan (2) menjadikan Bahasa Melayu sebagai wahana untuk menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum bagi memenuhi agenda perpaduan kebangsaan (Awang Sariyan, 2004; Juriah Long & Zainal Abidin Ahmad, 2007).

Jawatankuasa Kabinet (1979) juga memperakui peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi utama, di samping berperanan sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa *lingua franca* bagi keseluruhan negara dan bahasa perpaduan (Juriah Long, 2008). Tuntutan Jawatankuasa Kabinet (1979) ini menjadi asas kepada penggubalan kurikulum dan pendekatan bersepadu dalam sistem pendidikan negara, termasuk kurikulum Bahasa Melayu (Awang Sariyan, 2004). Menurut Awang Sariyan (2004), pendidikan bersepadu yang digubal ini menampung kekurangan kurikulum lama yang antara lain (1) terlalu bersifat akademik, (2) sangat padat dan tidak sesuai dengan peruntukan waktu, (3) digubal secara terpisah mengikut mata pelajaran dan kurang intergrasi antara mata-mata pelajaran, (4) menekankan aspek kognitif semata-mata dan tidak melahirkan murid yang seimbang daripada segi kognitif, afektif, dan psikomotor, dan (5) terlalu mementingkan peperiksaan.

Kini, matlamat pendidikan Bahasa Melayu telah berubah. Selain menyambung dasar pendidikan Bahasa Melayu yang berfungsi sebagai perpaduan rakyat, pendidikan Bahasa Melayu telah memberi penekanan kepada pendidikan yang lebih menyeluruh, bersepadu, dan seimbang (Awang Sariyan, 2004). Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu KBSM yang mula diperkenalkan tahun 1988 adalah ekoran daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) yang menuntut konsep kesepaduan ilmu dan kemahiran bahasa dengan nilai dan bahasa (Juriah Long, 2008). Konsep kesepaduan ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang digubal pada tahun 1987; iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan,

bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Kurikulum bersepadu mempunyai kandungan yang lebih menyeluruh (Nik Safiah Karim, Awang Sariyan, Ahmad Hj. Tahir, dan Muhani Hj. Abdul Ghani, (1988). Kandungan sukatanannya mencakupi aspek pengetahuan bahasa, penggunaan atau kecekapan berbahasa, nilai, ilmu pengetahuan, peraturan sosiobudaya dan hal-ehwal kenegaraan, selain terus berperanan sebagai bahasa penyatu padu bangsa, bahasa perhubungan utama, bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa yang mencerminkan akal budi rakyat. Perkara ini jelas dinyatakan dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* (1988:1), iaitu:

- 1) Penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu yang lebih bermutu.
- 2) Penguasaan kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi.
- 3) Pemahaman akan sistem Bahasa Melayu untuk mengungkapkan segala bidang ilmu dan kegiatan sehari-hari.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (1988) juga menekankan amalan pendidikan bahasa seperti, (1) konsep Bahasa Melayu merentas kurikulum bagi membolehkan murid menggunakan Bahasa Melayu dengan tepat dan berkesan ketika mereka mempelajari mata pelajaran lain, (2) Bahasa Melayu sebagai penghantar ilmu yang menekankan penggunaan bahasa yang tepat, berkesan dan sempurna bagi membolehkan murid mengungkapkan buah fikiran mereka dalam pelbagai bidang ilmu, (3) konsep kesepaduan ilmu dan kemahiran daripada mata pelajaran lain dalam pendidikan bahasa melalui strategi penggabungan dan penyerapan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih bermakna, dan (4) penekanan kepada penggunaan bahan sastra dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi memperkaya dan memantapkan bahasa murid (Juriah Long, 2008).

Bagi menjelaskan aspek ini, *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* (1988:2) memperincikan matlamat pendidikan Bahasa Melayu sebagai yang berikut:

- 1) Menghargai dan membanggakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara serta alat perpaduan rakyat, sesuai dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.
- 2) Memahami sistem Bahasa Melayu dari segi bentuk, makna, dan fungsinya, dan menggunakannya dengan tepat dalam kehidupan sehari-hari.
- 3) Menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam bidang ilmu pengetahuan.

- 4) Menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam perhubungan sehari-hari.
- 5) Membaca pelbagai bahan sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memenuhi masa lapang.

Pada keseluruhannya pendidikan Bahasa Melayu era KBSM memperlihatkan keseimbangan penekanan terhadap “keupayaan linguistik” dan “keupayaan komunikatif” (Awang Sariyan, 2004). Menurut Awang Sariyan, matlamat “memahami sistem Bahasa Melayu” berkait rapat dengan aspek keupayaan linguistik, manakala matlamat “menggunakan bahasa dengan berkesan” pula berkait rapat dengan aspek keupayaan komunikatif.

Bagi mencapai hasrat ini, pembelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan Empat, misalnya, menekan beberapa strategi. Antaranya ialah (1) pembelajaran haruslah mengambil pendekatan gabung jalin, (2) pembahagian unit pelajaran didasarkan kepada tema tertentu, dan setiap tema diolah agar sesuai dengan kandungan, kemahiran bahasa, dan berupaya menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman murid, dan (3) aspek tatabahasa diajar secara berperingkat-peringkat dan digabungjalinkan dengan kemahiran bahasa. Penekanan terhadap aspek tatabahasa didasarkan kepada bahan-bahan yang berpusat pada tema tertentu. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa usaha untuk melaksanakan pendekatan bersepadu telah dilakukan oleh pihak penggubal kurikulum, penulis buku teks, dan pelaksana kurikulum, iaitu para guru. Walau bagaimanapun, bagaimanakah pelaksanaan sebenar kurikulum bersepadu ini masih menjadi persoalan, sama ada dilaksanakan di bilik darjah atau tidak.

PERMASALAHAN KAJIAN

Namun, pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu di negara ini masih tidak menepati kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh khusus daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Juriah Long, 2008). Juriah Long (2008) turut menegaskan bahawa penekanan yang berlebihan terhadap aspek intelek khusus untuk tujuan peperiksaan menyebabkan perkembangan bahasa pelajar tidak berlaku secara seimbang. Menurutnya, penekanan yang tidak seimbang ini berlaku kerana masih ada guru tidak memahami dan menghayati sepenuhnya hasrat dan falsafah pendidikan Bahasa Melayu yang sebenar.

Kajian Zulkifli Osman (2010) terhadap amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah juga menyokong kajian Juriah Long (2008). Dalam kajiannya, beliau

mendapati bahawa amalan pengajaran guru Bahasa Melayu (BM) di bilik darjah jauh terpesong daripada tuntutan falsafah pendidikan bahasa itu sendiri. Dapatan kajian beliau mendapati, amalan utama guru Bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah ialah menghabiskan sukatan pelajaran, dan terlalu memberi penekanan terhadap peperiksaan, dan kemahiran kognitif semata-mata. Ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah tidak selaras dengan matlamat atau objektif pendidikan bahasa Melayu itu sendiri, iaitu memberi penekanan yang seimbang terhadap penguasaan kemahiran bahasa dan kemahiran berbahasa (Awang Sariyan, 2005, 2009). Kajian Zulkifley Hamid (2005) juga menunjukkan bahawa pencapaian pelajar lebih menguasai aspek nahu berbanding kecekapan berbahasa. Kajian ini menjelaskan bahawa pelajar boleh menguasai aspek tatabahasa tetapi gagal menguasai kemahiran berbahasa dengan baik.

Dalam konteks pendekatan pengajaran yang diamalkan oleh guru, Awang Sariyan (2005) menyatakan bahawa fahaman dikotomi yang mengasingkan-asingkan pengajaran bahasa kepada segmen yang terpisah berlaku secara berleluasa. Menurut beliau, masalah ini berlaku kerana pengajaran bahasa dilakukan terpisah antara pengajaran menulis, membaca, bertutur dan fokus tatabahasa. Fenomena ini bertentangan dengan matlamat pendidikan bahasa iaitu untuk melahirkan pengguna bahasa yang tahu menggunakan bahasa untuk tujuan berfikir dan berkomunikasi, berlandaskan suatu sistem yang teratur (tatabahasa, ucapan, tulisan) melalui empat kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) dalam konteks yang menggabungalinkan sistem bahasa dengan kemahiran bahasa dan isi serta konteks bahasa yang tepat dan natural (Awang Sariyan, 2005). Menurut beliau, masalah ini perlu ditangani bagi meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Melayu di negara ini.

Lebih ketara lagi, para pendidik agak asing dengan mana-mana teori pengajaran dan pembelajaran bahasa dan tidak melaksanakan aspek penyerapan nilai dalam pengajaran bahasa secara terancang, malah para guru menyerapkan aspek ini secara spontan dan kebetulan sahaja (Mahzan Arshad, 2007). Masalah ini menjadi lebih buruk apabila guru yang mengajar BM tidak mendapat latihan atau pendedahan yang secukupnya dalam bidang pendidikan bahasa bagi mengekalkan mutu pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

Kesimpulannya, bagi mengatasi masalah yang dibincangkan di atas, saya akan mengetengahkan satu pendekatan yang diharap dapat memupuk bukan sahaja penguasaan kemahiran bahasa secara terpadu, tetapi juga turut memupuk semua potensi diri pelajar. Pendekatan ini saya namakan pendekatan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu.

PENDEKATAN HOLISTIK DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU

Sejarah pendekatan pengajaran bahasa menunjukkan bahawa setiap aliran atau pendekatan pengajaran bahasa memberi penekanan yang berlainan, iaitu memberi penekanan kepada (1) kemahiran lisan dan struktur bahasa (pendekatan struktural), (2) pengetahuan tentang rumus bahasa dan penguasaan keupayaan linguistik (pendekatan kod-kognitif), dan (3) penguasaan keupayaan komunikatif (pendekatan komunikatif). Sementara itu, pendekatan pengajaran bahasa yang dilahirkan daripada teori perkembangan bahasa melihat bahawa pengajaran bahasa hendaklah mengambil kira perkembangan umur kanak-kanak dan interaksinya dengan alam persekitarannya (konstruktivis sosial).

Selain itu, pendekatan bersepadu yang diketengahkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (KBSM) juga tidak mencadangkan secara terperinci bagaimana pengajaran Bahasa Melayu dapat memenuhi keperluan potensi diri pelajar secara menyeluruh. Melihat kepada kekuatan dan kekurangan pendekatan pengajaran bahasa yang dibincangkan di atas, saya akan menyetengahkan satu pendekatan yang diharap dapat membantu proses P&P Bahasa Melayu berlaku secara holistik atau menyeluruh, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pendekatan pengajaran bahasa secara holistik (PBH) adalah lanjutan daripada konsep pendekatan bersepadu dalam pengajaran bahasa. Sebagaimana konsep pendekatan bersepadu yang memberi penekanan kepada penguasaan bahasa yang seimbang antara pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa, pendekatan PBH turut menyerapkan konsep pengajaran bahasa secara natural dan prinsip pendidikan holistik seperti prinsip kemanusiaan dan kerohanian bagi menggalakkan potensi diri pelajar. Rajah 1 menunjukkan konsep pendidikan holistik dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Pendekatan PBH digarap daripada konsep pengajaran bahasa secara menyeluruh (*Whole Language Approach*), dan teori pendidikan holistik. Gabungan kedua-dua pendekatan ini penting bagi menampung kekurangan dan memantapkan proses P&P bagi memenuhi keperluan pengajaran Bahasa Melayu yang seimbang. Pendekatan ini selaras dengan kehendak pendekatan bersepadu yang diketengahkan dalam kurikulum Bahasa Melayu (KBSM), malah lebih menyeluruh sifatnya.

Berdasarkan prinsip pendekatan *whole language* yang mendasari pendekatan ini, bahasa diajar secara integrasi antara empat kemahiran bahasa dan berlaku secara natural serta menekankan pembelajaran kooperatif, berpusatkan pelajar, penggunaan bahasa yang autentik, mementingkan makna, dan penilaian yang holistik (Brown, 2000; 2001).



Rajah 1: Kerangka Pendekatan Holistik (PBH)

Pendekatan yang dipelopori oleh Rigg (1991) dan Rigg & Kazemek (1993) ini merupakan pendekatan alternatif kepada pendekatan struktural. Namun, pendekatan ini tidak boleh dilaksanakan secara total dalam konteks negara kita kerana matlamat pendidikan bahasa Melayu bukan sahaja melahirkan pelajar yang boleh berkomunikasi dengan baik, tetapi juga boleh menggunakan bahasa dalam konteks budaya yang tepat dan menyanjung tinggi aspek ketepatan berbahasa. Hal ini kerana Hakuta & McLaughlin (1996) dan Shang (2000), pendekatan ini tidaklah lengkap sepenuhnya kerana tidak memberi keutamaan kepada kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar.

Pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara holistik ini juga disandarkan kepada konsep pengajaran bahasa yang melibatkan penyepaduan antara kecekapan linguistik dan kecekapan komunikatif. Menurut Awang Sariyan (1998, 2003; 2004; 2009), pendekatan ini memberi penekanan kepada proses melengkapkan diri pelajar dengan pengetahuan bahasa (*equipping*) bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran bahasa untuk keperluan hidup (*enabling*). Untuk merealisasikan pendekatan ini, Awang Sariyan (2005) mencadangkan bahawa pendekatan elektik yang menggabungkan (1) pelbagai kaedah dan teknik dan (2) sistem bahasa dengan kemahiran bahasa dan isi serta konteks bahasa.

PBH ini juga melibatkan (1) integrasi antara kemahiran bahasa, (2) integrasi bahan bacaan dan perbincangan yang autentik (bahan bercetak yang sebenar), (3) penulisan yang berbagai-bagai wacana atau perspektif berdasarkan topik yang sama, dan (4) integrasi kemahiran berfikir dalam pengajaran kemahiran bahasa (Mahzan Arshad, 2003; 2008).

Pendekatan PBH juga mengambil kira perkembangan pelajar secara menyeluruh (*human wholeness*). Menurut ahli pendidikan holistik seperti J. P. Miller (1988, 2007), Forbes (2003), Gang (1999), Rudge (2008), Syed Ali Ashraf (1994), Hasan Langgulung (2002), dan Tajul Ariffin Noordin (2000; 2005), proses pendidikan bukan sahaja mementingkan penguasaan kognitif atau pengetahuan semata-mata, tetapi turut menanam sifat humanistik dan kerohanian dalam kalangan pelajar. Menurut Rudge (2008), elemen kerohanian terdiri daripada empat prinsip, iaitu kerohanian (*spirituality*), menghargai alam semulajadi/kehidupan (*nature/reverence for life*), saling berkaitan (*interconnectedness*), dan individu yang menyeluruh (*human wholeness*), manakala elemen humanistik pula terdiri daripada prinsip yang berikut, iaitu keunikan individu (*individual uniqueness*), penyayang (*caring relations*), kebebasan/autonomi (*freedom/autonomy*), dan demokrasi.

Berdasarkan perbincangan di atas, disimpulkan bahawa pendekatan PBH ini berpaksi kepada beberapa prinsip. Antaranya ialah (1) pengajaran bahasa dilakukan secara kontekstual dan natural/alami, (2) pengajaran bahasa diajar secara bertema; sama ada dari aspek topik pelajaran dan kemahiran yang diajar, (3) aktiviti pengajaran bahasa memberi penekanan kepada keseimbangan pengetahuan bahasa (kecekapan linguistik) dan kecekapan berbahasa (komunikatif), dan (4) pengajaran bahasa memberi keutamaan kepada pemupukan emosi dan rohani pelajar dalam aktiviti P&P. Artikel ini akan memberi penekanan terhadap implikasi penerapan aspek emosi dan rohani dalam pengajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah.

KEMAHIRAN SOSIAL, EMOSI DAN KEROHANIAN

Kemahiran sosioemosi merupakan keupayaan seseorang individu untuk memahami, mengurus dan melahirkan aspek sosial dan emosi dengan cara yang tersusun dan teratur bagi tujuan menjalani kehidupan seperti belajar, membentuk hubungan, menyelesaikan masalah setiap hari, dan menyesuaikan diri dengan tuntutan pertumbuhan dan pembangunan diri yang kompleks (Elias et. al, 1997). Dalam menguasai kemahiran sosioemosi ini, Elias (2004) berpendapat, lima belas kemahiran boleh digunakan. Kemahiran ini ialah:

1. Mengiktiraf emosi sendiri dan orang lain
2. Mengawal dan mengurus emosi (positif dan negatif)
3. Menghargai kekuatan sendiri
4. Mendengar dan berkomunikasi dengan tepat dan jelas
5. Ambil perspektif orang lain dan pertimbangkan dengan waras

6. Hormati pendapat orang lain dan hargai perbezaannya
7. Mengenal pasti masalah dengan tepat
8. Tetapkan matlamat yang positif dan realistik
9. Menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan membuat perancangan
10. Dekati orang lain dan bina hubungan yang positif
11. Lawan tekanan negatif rakan
12. Bekerja sama, berunding, dan menguruskan konflik
13. Bekerja secara berkesan dalam kumpulan
14. Membantu orang lain
15. Tunjuk tanggungjawab etika dan sosial

Menurut Miller (2006) kemahiran emosi pula merujuk kepada proses pembentukan jiwa (*soul*). Menurut beliau, *soul* boleh ditakrifkan sebagai tenaga dan misteri yang memberi makna kepada kehidupan. Menurut beliau lagi, dalam pengajaran bahasa, aktiviti pembacaan sajak dan cerita boleh menyentuh jiwa pelajar. Malah, Miller menjelaskan bahawa dengan mengasihi binatang dan alam juga dapat memupuk jiwa yang baik.

Kesimpulannya, antara prinsip dan kemahiran yang digunakan bagi memupuk kemahiran sosioemosi dan kerohanian dalam kajian ini ialah simpati dan empati, penyayang (*caring*), menghormati orang lain, dan bertanggungjawab (*responsibility*).

PROSES MEMUPUK POTENSI DIRI YANG MENYELURUH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Bagi memupuk potensi diri pelajar yang menyeluruh dan seimbang, pelbagai strategi dilaksanakan. Antara strategi yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah pengisian kandungan pelajaran dan bahan bantu mengajar yang memenuhi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, model pengajaran bahasa secara holistik ini bertujuan menerapkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa yang bukan sahaja membantu pelajar menguasai kemahiran bahasa, tetapi turut berusaha memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh. Bagi memastikan matlamat di atas tercapai, aktiviti P&P yang dibangunkan dalam modul ini memberi penekanan kepada aspek yang dibincang di atas sejajar dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

PENGISIAN KANDUNGAN PELAJARAN

Salah satu ciri pendidikan holistik ialah integratif. Ciri ini memberi penekanan kepada aspek jiwa pelajar yang sering diabaikan dalam proses P&P di bilik darjah. Menurut Miller (2006) ciri integratif merupakan satu cara yang berkesan bagi membentuk jiwa pelajar. Salah satu teknik yang diaplikasikan dalam modul ini bagi memupuk jiwa pelajar ialah teknik 'suara alam'. Teknik ini melibatkan penggunaan pancaindera pelajar bagi menghayati dan menghargai alam sekitar. Melalui teknik ini, pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) seperti bunyi hutan, hujan, lautan, burung dan sebarang bunyi yang mendamaikan digunakan. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kemahiran mendengar pelajar di samping memupuk perasaan cinta akan alam sekitar dalam kalangan pelajar. Jadual 1 menunjukkan cara teknik ini dijalankan.

Jadual 1: Pengaplikasian Teknik "Suara Alam" dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Tajuk Pelajaran	Penggabungjalinan Kemahiran Bahasa	Aplikasi Teknik 'Suara Alam'
'Cintalah Persekitaran Kita'	<p><i>Kemahiran Bahasa Utama:</i> Bertutur tentang bahan audio (bunyi lautan dan sebagainya)</p> <p><i>Kemahiran Bahasa Sokongan:</i> Bertutur tentang perasaan mereka apabila mendengar kedua-dua jenis bunyi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Guru memainkan video suara alam. • Guru meminta murid mendengar setiap video yang dipaparkan dan menyatakan perasaan mereka apabila mendengar bunyi-bunyi tersebut. • Guru bersoal jawab dengan murid tentang bunyi-bunyi tersebut. • Guru memperdengarkan bunyi yang membingitkan (yang ada kaitan dengan pencemaran alam). • Guru dan murid menganalisis bunyi tersebut. • Guru dan murid membuat rumusan tentang bahan audio visual yang dipaparkan.

Pendekatan ini sangat berkesan dalam memupuk rasa cinta kepada alam sekitar kerana data temu bual dengan pelajar dan guru menunjukkan mereka sangat teruja dengan bahan yang digunakan dalam aktiviti P&P ini. Menurut mereka, pendekatan ini

jarang dilakukan dan sangat menarik. Menurut guru yang melaksanakan aktiviti ini, teknik ‘suara alam’ ini bukan sahaja dapat menenangkan fikiran, malah dapat meningkatkan kemahiran mendengar pelajar.

PEMUPUKAN UNSUR KEMANUSIAAN

Dalam Unit Pelajaran 2, unsur kemanusiaan diterapkan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memuatkan lagu sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Untuk itu, lagu “Suara tanpa wajah” yang menjadi tema kempen ‘Kami Prihatin’ digunakan bagi menyentuh perasaan pelajar terhadap isu yang dibincangkan, iaitu isu buang bayi. Lagu ini dipilih kerana bait-baitnya dijangka boleh menyentuh jiwa dan perasaan pelajar. Antara bait lagu tersebut ialah:

*Namun hanya harapan tanpa suara
di dunia cuma seketika
Jasad kaku dibalut kertas usang
Terbiar bagai sampah terbuang*

Video lagu ini juga mengandungi gambar bayi yang dibuang dalam keadaan yang menyayat hati. Gambar ini boleh melahirkan perasaan insaf dan belas kasihan pelajar terhadap manusia lain, khususnya kanak-kanak.

Penggunaan lagu ini juga dapat membangkitkan emosi pelajar kerana ada pelajar gagal mengawal perasaan apabila mereka menonton video ini. Gambar-gambar yang dipapar dalam video ini sangat menyebarkan dan benar-benar berkesan. Data temu bual dengan pelajar mendapati bahawa mereka sangat simpati dengan nasib kanak-kanak yang dibuang dengan kejam oleh orang yang tidak berperikemanusiaan ini.

Dalam Unit Pelajaran 3 pula, pelajar didedahkan dengan isu sejagat, iaitu isu kemiskinan dan kesusahan hidup. Isu ini penting kerana pelajar perlu sedar bahawa mereka beruntung kerana hidup mereka tidak seperti yang dipaparkan di dalam lagu yang digunakan sebagai bahan pelajaran. Dalam Unit Pelajaran 3 ini yang bertajuk “Di manakah Kemanusiaan Kita?” lagu “Wajah” digunakan. Lagu ini dipilih kerana bait-bait lagunya dapat menggambarkan dengan jelas tentang kesusahan hidup seorang insan yang istimewa (OKU). Bait-bait lagu seperti:

*Berbumbungkan angkasa kelabu
Lantainya retak seribu*

*Setiap langkah perjalananmu
Beranak berliku*

Bait-bait lagu ini dapat menggambarkan betapa susahnyanya kehidupan insan ini dan menyentuh perasaan pelajar. Penggunaan video yang sarat dengan mesej ini dapat menimbulkan perasaan simpati/empati dalam kalangan pelajar yang mengikuti pelajaran ini.

MODUL PENGAJARAN BAHASA MELAYU BERDASARKAN PENDEKATAN HOLISTIK

Sembilan modul dibangunkan bagi menyerapkan prinsip insan yang menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pembangunan modul-modul ini bahagikan kepada tiga tema yang utama, iaitu masalah sosial, budi bahasa dan alam sekitar. Pendekatan penggabungjalinan dan penyerapan diaplikasikan sepenuhnya dalam modul ini. Prinsip pendidikan holistik diterapkan dalam setiap modul bagi memupuk aspek kemanusiaan dan emosi dalam usaha membentuk potensi diri pelajar yang seimbang dan menyeluruh.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah bagi mendapat pandangan pelajar dan guru tentang kemampuan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disandarkan kepada pendekatan holistik memupuk potensi diri pelajar yang menyeluruh.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan teknik kualitatif seperti pemerhatian, temu bual separa struktur dan bukti dokumen bagi mengumpulkan data. Pemerhatian digunakan bagi mendapatkan data tentang pelaksanaan unsur emosi dan rohani dalam pengajaran bahasa di bilik darjah. Temu bual separa struktur pula dijalankan bagi mendapatkan data tentang perasaan, pandangan guru dan pelajar terhadap penerapan unsur emosi dan rohani dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bukti dokumen pula digunakan bagi mendapatkan data tentang hasil pembelajaran yang dihasilkan oleh pelajar bagi menunjukkan berlakunya proses pemupukan emosi dan rohani dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Ketiga-tiga teknik ini digunakan bagi memastikan berlakunya kesahan internal bagi kajian ini (Merriam, 2002).

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian dalam kajian ini melibatkan tiga guru Bahasa Melayu peringkat Tingkatan Empat dan tiga kelas Tingkatan Empat. Guru dan pelajar dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Teknik *snow ball* digunakan bagi memilih peserta kajian. Berdasarkan teknik ini, tiga guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajarkan Bahasa Melayu selama lebih lapan tahun dipilih menjadi responden dalam kajian ini. Kriteria ini dijadikan sandaran kerana responden yang berpengalaman dapat memberi maklumat yang 'kaya' (Patton, 1990). Temu bual dijalankan terhadap guru-guru dan pelajar bagi mendapatkan data tentang kemampuan aktiviti dan bahan pengajaran dan pembelajaran meningkatkan unsur emosi dan rohani pelajar.

INSTRUMEN KAJIAN

Tiga instrumen kajian digunakan dalam kajian ini, iaitu catatan pemerhatian, protokol temu bual separa struktur dan bukti dokumen. Catatan lapangan digunakan bagi mendapatkan data fenomena pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Protokol temu bual separa struktur pula digunakan bagi mendapatkan data tentang kemampuan pendekatan ini memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh, manakala bukti dokumen digunakan bagi mengukuhkan data dan bagi memastikan berlakunya triangulasi.

Antara soalan yang dikemukakan bagi mendapatkan data ialah:

1. Apakah perasaan anda apabila membaca/melihat/menonton gambar/teks/video ini?
2. Adakah aktiviti yang dijalankan dapat menimbulkan rasa simpati anda terhadap orang yang terlibat dalam teks/video tersebut?
3. Adakah video ini/gambar teks ini dapat memaparkan mesej yang cukup berkesan tentang fenomena kemiskinan di negara ini?
4. Adakah gambar/video ini dapat menimbulkan perasaan sedih anda?

TAPAK KAJIAN

Tiga sekolah dijadikan tapak kajian dalam kajian ini. Ketiga-tiga sekolah ini dipilih kerana kriteria yang berikut, iaitu kerjasama, pencapaian akademik, dan latar belakang sekolah. Dari aspek kerjasama, ketiga-tiga pentadbir sekolah ini memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelaksanaan kajian ini di sekolah mereka. Guru-guru yang terlibat juga sanggup

memberi kerjasama terhadap penyelidik dalam menjalankan kajian. Hal ini sangat penting kerana hubungan dan kerjasama yang erat ini memungkinkan pengkaji memperoleh data yang berkualiti dan berkredibiliti (Patton, 1990; Merriam, 1988), dan maklumat yang banyak (Marshall & Rossman, 1989).

Selain itu, sekolah-sekolah ini dipilih disebabkan latar belakang dan pencapaian akademik. Pelajar sekolah ini yang dipilih ini terdiri daripada pelbagai kaum utama negara ini, iaitu Melayu (56.23%), India (23.02%), dan Cina (20.58%). Sekolah-sekolah ini juga dipilih kerana pencapaian akademik khususnya peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) ini agak baik dan setanding dengan sekolah harian yang lain di negeri Perak. Dalam kajian ini, sekolah yang terlibat sebagai tapak kajian ialah SMK Dato Zulkifli Muhammad, Slim River, SMK Sungkai dan SMK Bidor.

KAEDAH MENGANALISIS DATA

Bagi menghuraikan dapatan tentang kemampuan pendekatan holistik memupuk potensi diri pelajar yang merangkumi aspek JERI, catatan lapangan, temu bual dan bukti dokumen dianalisis. Dapatan daripada catatan lapangan dan transkripsi temu bual dianalisis berdasarkan pembentukan 'coding' dan tema yang sesuai. Kaedah '*structural coding*' yang diperkenalkan Saldana (2009) digunakan bagi membentuk tema. Antara tema yang dibentuk berdasarkan teknik ini ialah simpati dan empati, *penyayang*, menghargai orang lain dan bertanggung jawab. Aspek penyayang atau *caring* meliputi aspek sayang akan sesama manusia dan semua makhluk manusia.

DAPATAN KAJIAN

Tema 1: Simpati

Dapatan temu bual mendapati penggunaan lagu 'Wajah' meruntun jiwa pelajar. Menurut mereka lagi, video lagu ini benar-benar mengusik jiwa mereka. Kata pelajar ini, "kalau hati yang keras pun boleh cair cikgu!" (Temu bual pelajar, 21 Jan 10). Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran bahasa yang menggunakan pemilihan sajak dan bahasa yang baik dapat membentuk perasaan simpati dalam kalangan pelajar yang dewasa ini sangat 'keras' sifatnya. Malah, guru turut menyatakan bahawa penggunaan video ini sangat menyentuh jiwa pelajar. Katanya, "saya nampak pelajar saya 'touching' sungguh (Temu bual guru, 21 Jan 2010). Selain itu, penggunaan lagu 'Wajah' dalam Modul 3 sangat berkesan dan dijangka dapat menyentuh perasaan pelajar. Kedua-dua guru ini juga menyatakan bahawa bait-bait lagu ini sangat puitis dan dijangka boleh membantu pelajar menulis

sajak dengan berkesan. Catatan lapangan juga menunjukkan bahawa pelajar sangat berminat dengan aktiviti pelajaran ini dan mereka turut sama-sama menyanyikan lagu ini.

Tema 2: Penyayang (Caring)

Dalam aspek penyayang, modul ini turut menerapkan konsep cinta atau sayang akan alam atau makhluk Allah yang lain. Dalam modul ini, penggunaan bahan video dan audio, misalnya dapat meningkatkan perasaan cinta pelajar terhadap alam sekitar. Malah menurut guru, penggunaan bunyi air hujan, ombak laut, burung dan suara hutan dapat menimbulkan perasaan cinta kepada alam semula jadi. Sebaliknya, penggunaan bunyi kilang dan kenderaan misalnya, dapat mewujudkan suasana yang berlawanan dengan bunyi yang mendamaikan itu. Kata guru A. "bunyi ombak, dan alam itulah menarik. Dapat tingkatkan 'mood' pelajar. Boleh tambah rasa sayang pada alamlah." (Temubual 1, Guru A, 22 Januari 2010)

Tema 3: Menghormati Orang Lain

Guru A dan B sependapat mengatakan bahawa penggunaan sedutan filem *Seniman Bujang Lapok* dalam Modul 6 sangat sesuai bagi mengajarkan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. Amalan ini penting kerana menurut mereka aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini dapat menimbulkan perasaan menghormati orang lain, tidak kira apa-apa juga kedudukan seseorang itu. Sedutan temu bual guru menunjukkan situasi ini:

Penyelidik : "Apa pendapat cikgu tentang penggunaan sedutan filem tadi (*Filem Seniman Bujang Lapok*)?"

Guru A : "Bagus. Seronok. Dapat semai sikap hormati orang lain. Lawak lagipun".

(Temubual 1 Guru A_22/10)

Tema 4: Bertanggungjawab

Modul ini juga dapat memupuk perasaan bertanggungjawab dalam kalangan pelajar. Melalui Modul 2, perasaan ini dipupuk melalui teks "Jenayah Ragut dan Peranan Remaja dalam Menanganinya". Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, pelajar bukan sahaja berbincang tentang punca jenayah ini berlaku, malah turut menyumbangkan idea bagi mengatasi masalah ini. Menurut pelajar, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan memberi peluang kepada mereka menyatakan

pandangan tentang cara mengatasi masalah ini. Kata-kata pelajar di bawah menunjukkan pernyataan ini.

Penyelidik : "Apa pandangan kami tentang pelajaran tadi?"

Pelajar A : "Seronok!"

Penyelidik : "Mengapa?"

Pelajar A : "Cikgu bincang (tentang) jenayah ragut. Cikgu minta kami tolong selesai(kan) masalah itu."

Penyelidik : "Kalau dulu?"

Pelajar : "Bincang-bincang (sa)je".

PERBINCANGAN

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disandarkan kepada pendekatan holistik berupaya memupuk potensi diri pelajar secara menyeluruh. Dapatan kajian mendapati, melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam setiap modul yang dibangunkan dapat memupuk semua aspek potensi diri pelajar khususnya aspek emosi dan rohani yang sering dilupakan kajian Stauffer (2008), Martin, Martin dan Carvalho (2008), dan Leavitt-Noble (2008) mendapati pendekatan holistik ini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran berbahasa secara keseluruhannya, namun dapat juga meningkat domain afektif.

Menyentuh aspek emosi dan rohani murid, modul ini juga mendapati aspek ini dapat ditingkat dan dipupuk melalui bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan. Data temu bual mendapati, penggunaan bahan autentik tentang "Buang bayi" dapat menimbulkan perasaan simpati dan empati murid terhadap isu yang dibincangkan. Selain itu juga, modul pengajaran yang dibangunkan ini dapat menanam sifat kemanusiaan dalam kalangan murid. Dapatan kajian mendapati, bahan pembelajaran dan aktiviti yang digunakan dalam modul-modul ini menyentuh jiwa murid dan dapat menimbulkan perasaan empati. Dapatan ini sejajar dengan kajian Shefy dan Sadler-Smith (2005) yang mendapati pengaplikasian prinsip bersepadu atau holistik dapat meningkatkan kesedaran emosi, menggalakkan perkongsian perspektif, mencambahkan sensitiviti dan sifat baik hati (*benevolence*) dan serta gemar memenuhi permintaan orang lain (*fulfilment*). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Patel (2003).

Dari aspek kemampuan modul pengajaran secara holistik meningkatkan motivasi murid pula, kajian mendapati aktiviti dan bahan bantu mengajar yang digunakan dapat

meningkatkan minat dan motivasi murid. Dapatan soal selidik, temu bual dan bukti dokumen membuktikan bahawa modul yang dibangunkan ini dapat mewujudkan suasana yang kondusif dalam pengajaran bahasa, khususnya Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, proses pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah peringkat sekolah menengah dapat ditingkatkan, khususnya dari aspek kemahiran berbahasa, emosi dan rohani serta motivasi murid. Dapatan kajian juga mendapati strategi pengajaran Bahasa Melayu secara holistik yang diterapkan dalam modul pengajaran ini boleh dilaksanakan dan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan berdasarkan pendekatan holistik ini bukan sahaja membantu iklim pengajaran bahasa secara holistik dan natural, tetapi juga berupaya memupuk potensi diri murid secara seimbang dan menyeluruh. Kajian ini juga membuktikan bahawa model pengajaran Morrison dan rakan-rakan (2007) ini boleh diaplikasikan dalam proses membangunkan aktiviti dan bahan pengajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Awang Sariyan, 1998. "Pendekatan Bersepadu dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Apa khabarnya?" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 42(9). Hlm. 809-815.
- Awang Sariyan, 2003. "Pendekatan Bersepadu Pendidikan Bahasa Melayu dalam Konteks Pemeraksanaan Bahasa." Kertas kerja *Seminar Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu*. 26-27 April. Anjuran DBP.
- Awang Sariyan, 2004. *Teras Pendidikan Bahasa Melayu: Asas Pegangan Guru*. Bentong: PTS Publications.
- Awang Sariyan, 2005. "Merekayasakan Pendidikan Bahasa Melayu dalam Menghadapi Tentangan zaman". *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu*. USM: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Hlm. 1-24.
- Awang Sariyan, 2009, Februari. "Beberapa Pertimbangan Falsafah dan Praktik dalam Memenuhi Impian Pendidikan Bahasa Melayu yang berkesan." Kertas kerja *Program Wacana Akademik*, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Brown, H. D., 2000. *Principles Language Learning and Teaching*. New York: Longman. Edisi Keempat.
- Brown, H. D., 2001. *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: Longman. Edisi Kedua.

- Creswell, J. W., 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston: Pearson Internasional Edition. Edisi Keempat.
- Elias, M. J., 2004. "The Connection Between Social-Emotional Learning and Learning Disabilities: Implications for Intervention". *Learning Disability Quarterly* 27 (1): 53–63.
- Elias, M. J., Zins, J. E., Weissberg, R. P., Frey, K. S., Greenberg, M. T., Haynes, N. M., Kessler, R., Schwab-Stone, M. E., dan Shriver, T. P., 1997. *Promoting Sosial and Emotional Learning*. Alexandria, Virginia, USA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Forbes, S. H., 2003. *Holistic Education: An Analysis of Its Ideas and Nature*. Brandon, VT: Foundation for Educational Renewal.
- Gang, P., 1993. "Holistic Education." Dlm. Carol L. Flake (Eds.), *Holistic Education: Principles, Perspectives, and Practices* (hlm. 86-91). Brandon VT: Holistic education Press. Hlm. 86-91.
- Hakuta, K., dan McLaughlin, B., 1996. "Bilingualism and Second Language Learning: Seven Tensions that Define the Research." Dlm. Berliner, D. C., dan Calfee, R. C. *Handbook of Educational Psychology*. Hlm. 603-621.
- Hasan Langgulong, 2002. *Peralihan Paradigma dalam Pendidikan Islam dan Sains Sosial*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Juriah Long, 2008. *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara Hasrat dengan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juriah Long dan Zainal Abidin Ahmad, 2007. "Keberkesanan Penggunaan Bahasa Malaysia dalam Komunikasi Lisan di sekolah Menengah Rendah, dlm. Abdullah Hassan (peny.). *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu* (hal. 456-464). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia. (hal. 456-464)
- Leavitt-Noble, K. A., 2008. "Improving the Writing Skills of Sixth Grade English Language Learners with and Without Learning Disabilities. An integrated Model Approach". (Tesis doktor Falsafah). Diperoleh daripada Pangkalan Data Tesis dan Disertasi ProQuest. (UMI No. 3307642).
- Mahzan Arshad, 2003. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahzan Arshad, 2007. "Memperkasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah. *Masalah Pendidikan*. 30 (1). Hlm. 79-87.
- Mahzan Arshad, 2008. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Marshall, C., dan Rossman, G. B., 1989. *Designing Qualitative Research*. Newbury Park: Sage Publications.

- Martin, D., Martin, M., & Carvalho, K., 2008. "Reading and Learning-Disabled Children: Understanding the Problem." Dlm. *Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*. 81(3), Hlm. 13-117.
- Merriam, S. B., 1988. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B., 2002. *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*. San Francisco: Josey-Bass Publishers.
- Miller, J. P., 1988. *The Holistic Curriculum*. Toronto, Canada: OISE Press.
- Miller, J. P., 2006. *Education for Wisdom and Compassion: Creating Conditions for Timeless Learning*. Thousand Oaks, California: Corwin Press.
- Miller, J. P., 2007. *The Holistic Curriculum*. Toronto, Canada: OISE Press. Edisi Kedua.
- Nik Safiah Karim, Awang Sariyan, Ahmad Hj. Tahir, dan Muhani Hj. Abdul Ghani, 1988. *Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patel, N. V., 2003. "A Holistic Approach to Learning and Teaching Interaction: Factors in the Development of Critical Learners." Dlm. *The International of Educational Management*, 17(6). Hlm. 272-284.
- Patton, M. Q., 1990. *Qualitative Evaluation Methods*. Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Rigg, P., 1991. "Whole Language in TESOL." Dlm. *TESOL Quarterly* 25. Hlm. 521-542. Edisi Kedua.
- Rigg, P. & Kazemek, F. E., 1993. "Whole Language in Adult Literacy Education." Dlm. Randall, J dan Peyton, J. K. (Eds.) *Approaches to Adult ESL Literacy Instruction*. Washington, DC: National Clearinghouse on Literacy Education.
- Rudge, L. T., 2008. "Holistic Education: An Analysis of its Pedagogical Application." Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan, Ohio State University. (UMI No. 3324114).
- Saldana, J., 2009. *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. London: Sage Publications Ltd.
- Shang, F. K., 2000. "A Comparative Analysis on Alternative Approaches to Literacy Instruction." Dlm. *International Journal of Lifelong Education*. 19(4). Ogos, 2000. Hlm. 291-299.
- Shefy, E., dan Sadler-Smith, E., 2006. "Applying Holistic Principles in Management Development." Dlm. *Journal of Management Development*. 25 (4). Hlm. 368-385.
- Stauffer, M., 2008. "Instruction of Keyboarding Skills: A Whole Language Approach to Teaching Functional Literacy Skills to Students Who are have Additional Disabilities." Dlm. *International Journal of Special Education*, 2 (1). Hlm. 74-81.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM Tingkatan 4*. 1988.

- Syed Ali Ashraf, 1994. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. Terj. Kementerian Pendidikan Malaysia. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin, 2000. "Falsafah Pendidikan Negara: Penilaian Semula Ke Arah Pendidikan Bersepadu di Alaf Baru." Kertas kerja *Konvensyen Mahasiswa Nasional: Mahasiswa dan Isu Pendidikan*, UKM, Bangi.
- Tajul Ariffin Noordin, Nor'Aini Dan, dan Nor Sakinah Mohamad, 2005. "Merealisasi Pendidikan Serantau yang Berkualiti: Anjakan Kepada Paradigma Pendidikan Bersepadu." Dlm. *Prosiding Seminar Pendidikan UKM-UNRI 2005*. Fakulti Pendidikan, UKM, Hlm. 8-17.
- Zulkifley Hamid, 2005. *Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Osman, 2010. "Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersepadu: Satu analisis keperluan." Dlm. *Proceeding of International Seminar on Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*. Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung, Indonesia. Hlm. 330-345.